

# Anwar bawa isu Palestin bertemu pemimpin APEC

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, Amerika Syarikat (AS) bermula hari ini akan membawa isu Palestin selain ekonomi.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan memaklumkan, sepanjang penglibatan Perdana Menteri dengan Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC dan di pelbagai platform pelbagai hala dan dua hala, beliau berhasrat untuk mengetengahkan situasi di Palestin untuk meraih sokongan global, akses kemanusiaan, dan penyelesaian yang adil.

"Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk berkongsi keutamaan dan prinsip Malaysia di bawah Rangka Kerja Ekonomi Madani, menekankan keterangkuman, pembangunan mampan dan kerjasama untuk kemakmuran bersama," katanya.

Menurutnya, selaku Pengerusi APEC untuk tahun ini, AS akan menjadi tuan rumah APEC Eco-



**ANWAR Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang kini berada di Amerika Syarikat (AS) sempat berhubung menerusi panggilan video dengan Nurul Ain Haron, rakyat Malaysia yang berjaya dibawa keluar dari Semenanjung Gaza selepas terperangkap 37 hari di wilayah bergolak itu.**

nomics Leaders' Meeting (AELM) buat kali ketiga, selepas tahun 1993 dan 2011 yang berlangsung di Blake Islands dan Honolulu.

Katanya, pada tahun ini, Presiden Jo Biden akan mempengerusikan AELM dan dijangka mengetuai perbincangan

mendalam dengan Pemimpin-Pemimpin APEC mengenai topik yang berpusat kepada pengukuhan hubungan ekonomi.

Ini termasuk meningkatkan keterangkuman dan kemampuan dan mengukuhkan daya tahan dan kerumitan ekonomi; selaras dengan tema APEC 2023, "Membina Masa Depan yang Berdaya Tahan dan Mampan untuk Semua".

"AELM ke-30 dijangka menerima pakai Deklarasi Golden Gate 2023 Pemimpin-Pemimpin APEC, yang mencerminkan komitmen Ekonomi-Ekonomi APEC dalam menangani cabaran global dan memajukan usaha ke arah merealisasikan Wawasan Putrajaya APEC 2040.

"Penerimaan Deklarasi Golden Gate ini adalah penting kerana menekankan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan Ekonomi-Ekonomi APEC," katanya.

Semasa di San Francisco sehingga 17 November ini, Perdana Menteri dijadual mengetuai delegasi Malaysia ke Dialog Tidak Rasmi Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC bersama Tetamu, iaitu Pemimpin Colombia, Fiji dan India.